

# Atribut Individu yang Mempengaruhi Kejayaan Ketua Isi Rumah (KIR) Wanita Orang Asli dalam Bidang Keusahawanan (Individual Attributes That Influence the Success of Heads of Household (KIR) of Orang Asli Women in Entrepreneurship)

Rohayu Roddin<sup>1\*</sup>, Yusmarwati Yusof<sup>1</sup>, Marina Ibrahim Mukhtar<sup>1</sup>, Halizah Awang<sup>1</sup>,  
Mimi Mohaffyza Mohamad<sup>1</sup>, Siti 'Afiat Jalil<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Malaysia

\*Corresponding Author: [rohayu@uthm.edu.my](mailto:rohayu@uthm.edu.my)

Received: 25 February 2023 | Accepted: 1 August 2023 | Published: 1 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijaref.2023.5.3.1>

**Abstrak:** Masalah kewangan, keluarga, pengangkutan dan sokongan daripada komuniti sering menjadi halangan untuk golongan wanita sebagai Ketua Isi Rumah (KIR) keluar daripada belunggu kemiskinan. Namun begitu terdapat satu golongan Ketua Isi Rumah (KIR) wanita Orang Asli yang dapat menonjolkan kejayaan mereka melalui aktiviti keusahawanan yang mereka ceburi. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka atribut dalaman yang mempengaruhi kejayaan Ketua Isi Rumah (KIR) wanita orang asli dalam bidang keusahawanan. Kajian dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual, pemerhatian dan pengumpulan dokumen. Melalui kajian yang dilaksanakan dalam kalangan komuniti Mah Meri dan Semai menunjukkan bahawa perubahan minda, sikap dan tingkah laku menjadi atribut individu yang mempengaruhi kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan. Produk anyaman dan persembahan kebudayaan mereka mendapat sambutan dalam kalangan pelancong dari dalam dan luar negara. Mereka menjadi simbol kejayaan golongan wanita bagi masyarakat Orang Asli. Hasil kajian menjadi satu penanda aras yang dapat menjadi rujukan kepada perancangan pembangunan keupayaan golongan wanita Orang Asli.

**Kata kunci:** atribut kejayaan, ketua isi rumah, orang asli, keusahawanan

**Abstract:** Financial problems, family, transportation and support from the community are often obstacles for women as Head of Household (KIR) to get out of the shackles of poverty. However, there is a group of Head of Household (KIR) of Orang Asli women who can highlight their success through the entrepreneurial activities they are engaged. The purpose of this study is to explore the internal attributes that influence the success of the Head of Household (KIR) of Orang Asli women in entrepreneurship. The study was carried out using a qualitative approach through interviews, observations and document collection. Through research carried out among the Mah Meri and Semai communities, it shows that changes in mindset, attitude, and behavior become individual attributes that influence their success in the field of entrepreneurship. Their woven products and cultural performances are popular among tourists. They became a symbol of the success of women in the Orang Asli community. The results of the study become a benchmark that can be used as a reference for planning the capacity development of Orang Asli women.

**Keywords:** success attributes, head of household, indigenous people, entrepreneurship

## 1. Pendahuluan

Peranan dan cabaran wanita pada hari ini semakin meningkat khususnya terhadap ibu tunggal yang bergelar seorang Ketua Isi Rumah (KIR). Isu dan masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ini sememangnya bukan sesuatu perkara yang baru tetapi hampir setiap tahun media telah melaporkan pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini. Antaranya masalah kewangan, keluarga, stigma dan sokongan daripada komuniti serta masalah emosi dan psikologi di kalangan ibu tunggal (Zakaria, Md. Akhir dan Omar, 2018). Selain itu, di negara-negara membangun, terdapat trend umum di mana semakin ramai wanita yang menjadi sumber utama sokongan ekonomi untuk menyara keluarga mereka. Menurut Roddin et al., (2013), Masalah seperti modal permulaan, kemahiran, masalah pengurusan keluarga seperti penjagaan anak-anak dan masalah pengangkutan menjadi faktor utama yang menghalang mereka untuk menyertai bidang keusahawanan. Indeks Kesaksamaan Gender (2017) melabelkan kebertanggungjawaban seorang ketua isi rumah tangga berdasarkan kepada enam domain. Domain tersebut adalah; keberfungsian, kewangan, pengetahuan, masa, kuasa dan kesihatan yang digabungkan menjadi Indeks teras. Justeru melihat keupayaan mereka dalam menghasilkan sumber kewangan melalui keusahawanan adalah wajar untuk dikaji.

Cabaran utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk membangunkan komuniti Orang Asli secara berkesan adalah kemiskinan dan kemunduran. Kemiskinan dan kemunduran merupakan halangan kepada komuniti ini untuk lebih maju. Antara faktor kepada kemiskinan adalah kerana cara pemikiran mereka yang tidak mahukan perubahan, pendapatan yang rendah, pendapatan sara diri, tidak bekerja, tahap pendidikan yang rendah, kekurangan kemahiran seperti kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Kemiskinan ini bertambah membebankan kepada wanita yang menjadi ketua keluarga untuk menampung kehidupan anak-anak. Masa depan mereka tidak terjamin kerana ketiadaan peluang pekerjaan yang baik. Oleh kerana itu, wanita tunggal yang menyara kehidupan keluarga perlu lebih berkemahiran dan berani untuk keluar mendapatkan pekerjaan (Rohayu et al., 2020).

Namun begitu penyertaan wanita orang asli yang terdiri daripada suku kaum Mah Meri dan Semai dalam kajian ini telah menjadi satu penanda aras kejayaan wanita Orang Asli dalam bidang keusahawanan yang berstatus KIR.

## 2. Atribut Kejayaan dalam Keusahawanan

Menurut Judith L. Glick-Smith (2000), dalam Mitchell, (2022), faktor kejayaan seseorang usahawan adalah bergantung kepada pengurusan kewangan, perancangan dan adaptasi. Wang adalah penting dalam memastikan usaha perniagaan tetap bertahan. Pengurusan kewangan penting dalam membeli inventori, membayar pekerja, memasarkan perniagaan, membeli atau membaiki alatan perniagaan dan membayar gaji. Ia memerlukan dedikasi dan kawalan diri untuk tidak membuat keputusan kewangan yang salah atau membelanjakan wang kepada perkara yang tidak penting. Perancangan adalah penting untuk memulakan dan menjalankan perniagaan yang berjaya. Dari peringkat awal, penyelidikan pasaran dan penulisan rancangan perniagaan adalah penting bagi seseorang usahawan untuk memikirkan masa hadapan, menganalisis setiap keputusan perniagaan dan sentiasa menyusun data perniagaan dan menetapkan matlamat yang ingin dicapai. Matlamat yang ingin dicapai merupakan aspirasi yang mempengaruhi motivasi dan minat seseorang usahawan untuk berjaya. Ketiga-tiga

faktor ini adalah penting dalam menghasilkan idea, mengenali pasaran dan menyesuaikan dengan perubahan semasa.

Menurut Rohayu et al. (2022), elemen-elemen yang dapat membantu seseorang berjaya dalam keusahawanan berasaskan pelancongan merujuk kepada pembangunan pengetahuan dan kemahiran, pembangunan produk pelancongan, pengurusan dan pemasaran, jaringan kerjasama dan penyediaan kemudahan prasarana dapat membentuk kejayaan aktiviti pelancongan. Jika dilihat definisi Keusahawanan Orang Asli ialah penciptaan, pengurusan dan pembangunan usaha niaga baharu oleh Orang Asli untuk kepentingan Orang Asli itu sendiri. Ini boleh dilihat dalam buku yang ditulis oleh Leach, et al., (2020). Tambahan pula keusahawanan memberi peluang kepada Orang Asli untuk menjana pendapatan sumber sendiri, mencipta pekerjaan dan melabur dalam komuniti dengan cara yang sejajar dengan objektif pembangunan mereka. Melalui atribut dalaman pembangunan pengetahuan dan kemahiran serta pengurusan dan pemasaran melibatkan kebolehan individu boleh ditingkatkan melalui latihan dan juga warisan turun-temurun.

### **3. Siapakah Ketua Isi Rumah (KIR) Wanita Orang Asli?**

Ketua isi rumah dikenali sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan ekonomi isi rumah dan keselamatan dengan cara mengakses sumber dan segala peluang dalam ekonomi masyarakat. Walaupun peranan ketua isi rumah menjada kelestarian ekonomi dan keselamatan keluarga, ia tetap tidak membatasi dan menghadkan jantina bagi ketua isi rumah tersebut sama ada lelaki mahupun wanita. Walaubagaimanapun, jantian ketua isi rumah turut mempengaruhi cara sumber pendapatan rumah tangga itu diperolehi dan disalurkan ke dalam perbelanjaan keluarga begitu juga dengan cara dimana isi rumah dijana untuk pertukaran sumber dengan isi rumah yang lain (Sichande et al., 2014).

Jusoh dan Latada (2019) dalam kajian mereka merumuskan ibu tunggal atau ketua isi rumah merupakan galang ganti sebagai ketua dalam keluarga yang merupakan seorang individu yang sangat kental, tabah dan kuat dalam bertanggungjawab menguruskan, membimbing dan menjaga anak-anak mereka. Berdasarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020) oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), (2015) mendefinisikan ibu tunggal ialah perempuan (warganegara) yang menjadi Ketua Isi Rumah. Namun, dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu; i. Taraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; ii. Mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah; iii. Tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf).

Menurut laman web rasmi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (2022) Ketua Isi Rumah (KIR) ditakrifkan sebagai seseorang dalam kalangan ahli isi rumah sesuatu tempat kediaman yang bertanggungjawab terhadap kebajikan ahli isi rumah di mana dia tinggal. Wanita menjadi ibu tunggal atau ketua isi rumah adalah disebabkan oleh penceraian, kematian suami, ditinggalkan suami, suami yang tidak berdaya untuk bekerja, suami terlibat dalam aktiviti jenayah dan dipenjarakan, atau berpindah ke negara lain (Roddin et al., 2020). Manakala bagi wanita KIR Orang Asli, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) turut mengkategorikan KIR adalah termasuk wanita yang belum berkahwin tetapi pencari rezeki utama buat isi rumah serta wanita yang berkahwin dengan selain dari Orang Asli (Rohayu et al., 2021).

#### 4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan di mana KIR wanita yang dipilih merupakan golongan wanita yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Mereka terdiri daripada suku kaum Mah Meri dan juga Suku Kaum Semai yang terlibat aktif dalam pembuatan dan jualan kraftangan. Seramai 4 orang peserta kajian (PK) telah dipilih yang merupakan KIR berjaya dalam kalangan wanita Orang Asli terdiri daripada 3 orang suku kaum Mah Meri dan 1 peserta kajian dari suku kaum Semai. Kaedah temubual, pemerhatian dan pengumpulan dokumen digunakan dalam mengumpul data kajian. Manakala analisis data menggunakan kaedah tematik di mana tema-tema utama dikeluarkan hasil daripada transkripsi yang dibuat. Jadual berikut merupakan latar belakang peserta kajian yang dipilih.

**Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian**

Bil	Peserta Kajian (PK)	Tahap Pendidikan	Kemahiran	Suku Kaum
1	PK1	Darjah 6	Anyaman / Persembahan Kebudayaan	Mah Meri
2	PK2	Darjah 6	Anyaman/ Persembahan Kebudayaan	Mah Meri
3	PK3	Tingkatan 2	Anyaman / Persembahan Kebudayaan	Mah Meri
5	PK4	SPM	Anyaman	Semai

#### 5. Hasil Kajian

Hasil analisis kajian dapat diringkaskan seperti berikut melibatkan faktor utama seperti sikap, motivasi, keusahawanan, tadbir urus, kemahiran dan pengalaman. Dapatan ini disokong dari pernyataan PK1, PK2, PK3 dan PK4.

Menyokong kepada faktor yang mempengaruhi perubahan sikap PK1, PK2 dan PK4 telah menyatakan:

*“...Encik Rashid Isa yang perkenalkan kraf tangan kepada kami. Pertengahan dia suruh kami buat ni terus-terusanlah. Kita kat sini tak yakin sebab susah nak dapatkan orang yang buat. Pegawai kraftangan, kata lama-lama esok ramai juga. Sekarang memang tak ramai. Lama-lama akan ramai juga. Masa tu dua tiga orang je lah yang terlibat. Saya, anak buah, adik, kakak. Dalam tiga tahun peserta bertambah dalam lima orang, enam orang, saudara dah masuk. Masa tu bertambah ahlinya bertambah jugalah produknya. Kita dapat bengkel pada tahun 2007”. (PK1)*

*“...Dulu-dulu saya tengok datuk nenek saya. Dia dulu-dulu tak ajar sangat. Dalam main tu kena belajar. Kita tengok tak tahu.. ada minat tu. Ambik la daun nangka ke cucuk dengan daun lalang. Cuba dulu dengan adik beradik ke, kawan ke”. (PK2)*

*“Sejak kecil buat, tapi sejak beberapa tahun ini baru minat buat untuk jual dan bersungguh-sungguh.” (PK4)*

Daripada faktor perubahan sikap ini membentuk minat dalam jiwa mereka dalam meneruskan warisan nenek moyang. Faktor motivasi juga adalah penting yang menggalakkan mereka untuk menyertai bidang keusahawanan dan membentuk semangat jitu mereka untuk berusaha lebih baik. Daripada pemerhatian yang di laksanakan juga, menunjukkan mereka sentiasa menerima

tempahan dan pendapatan merupakan satu motivasi mereka dalam menghasilkan kraftangan. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui pernyataan PK1:

*“...Sokongan keluarga penting. Tak bagi sokongan agak susah sikit. Mesti ada sokongan baru boleh bergerak program”*. (PK1)

*“...Dari segi jumlah pendapatan, sekarang kita boleh dapat lima enam ratus, satu ribu dalam satu bulan. Paling tinggi kadang-kadang ada juga lah satu ribu. Kalau penanda buku tekun buat boleh dapat dalam tiga ratus empat ratus seorang. Kita jualkan untuk semua. Pendapatan bahagi sama rata”*. (PK1)

*“...Penyertaan dalam anyaman, tarian memang menyumbang pendapatan. Memang tiap-tiap bulan ada. Tiap-tiap bulan ni ada orang dah booking kumpulan ni. Kalau kita tak keluar kita akan buat kat kampung. Orang datang melawat kat kampung, kita buat kat kampung. Memang menyumbang pendapatan”*. (PK1)

Merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif dan inovatif, berani mencuba dan bersaing merupakan atribut yang menyokong kejayaan mereka. Ini dapat dirujuk melalui pernyataan berikut:

*“...Suku kaum Mah Meri ni memang pandai menganyam. Cuma tunjuk kita ni apa. Dia orang semua pandai menganyam. Tunjuk contoh je, ni.. ni.. dia buat. Warna kita sini. Design lama-lama nenek moyang kita memang dah tahu. Tapi yang huruf-huruf ni design sekarang. Pandai buat design sekarang seperti huruf ‘a’, huruf ‘k’, huruf ‘m’, ‘w’. Dia orang reka-rekalah”*. (PK1)

*“...Cara warna semua tu. kita ni memang dari dulu. Kita mewarisi. Nak ubahnya melalui warna ke. Contoh penanda buku, ada 2 corak. Pahat dengan corak bunga tu. Tapi kita boleh cari idea sendiri. Macam-macam bentuk la. Idea datang sendiri”*. (PK2)

*Semua design lain-lain. Kita boleh kenal. Kak Pin punya lain. Saya punya lain. Saya punya tak de tali, Pin punya ada tali. Saya punya lain. Ada tali juga tapi lain*. (PK3)

*“Saya pernah pergi belajar mewarna, lepastu saya cuba-cuba gabung-gabungkan warna, itulah jadikan anyaman saya berwarna-warna”*. (PK4)

*“...Bersaing dan bersaing bagus juga. Ada persaingan, kita akan buat lebih baik, lebih berkualiti”*. (PK1)

Golongan KIR wanita Orang Asli ini juga mempunyai tadbir urus yang baik dari aspek perancangan dan pengurusan sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti. Ini dapat dikukuhkan melalui pernyataan berikut:

*“...Sebelum buat persembahan ada buat latihan. Buat perjumpaan dulu. Perbincangan ikut pendapat semua. Bagi tahu program dulu. Nanti bincang warna make up nya, hiasannya nak buat macam mana, nak kerinting ke tidak ke. Subang pula, kita ikut mood kita. Kalau kita rajin kita buat lagi cantik. Tiap-tiap peserta tari yang menari ni, dia sendiri buat, sendiri make up warna sama. Make up satu tempat saja. Ada juga alis mata saya buat, kalau saya sempatlah. Kalau tak sempat saya tak buatlah. Lepas balik tak buat perjumpaan. Penat lah, agih duit dah lepas tu tidurlah. Program ni buat hubungan makin rapat”*. (PK1)



*“...Contohnya kita pergi Johor kan, jualan anyaman pun ada tarian pun ada, jadi kita bahagikan tugas lah. Orang ni tak menari, dia pergi buat anyaman, anak dia menari lah”.* (PK1)

Golongan KIR wanita orang asli juga mempunyai kemahiran berkaitan dengan kraftangan yang mereka hasilkan melalui kemahiran yang diperoleh secara latihan dan turun-temurun dari generasi terdahulu.

*“...Memang saya tahu menganyam seperti anyam tikar. Dulu kita anyam tikar untuk kegunaan sendiri, lepastu ada bekas-bekas kecil, bekas pinang macamlah. Lepas tu mak saya kata ini apa, ini apa, mak saya ceritalah ini apa corak, ini apa corak, semua dia tahu. Semua anak perempuan tahu anyam. Umur saya dalam sembilan tahun lapan tahun saya dah menganyam dah. Habis sekolah pergi main-main sambil-sambil menganyam dengan kawan-kawan untuk guna sendiri”.* (PK1)

*“...kalau orang kita dulu, perempuan kena pandai menganyam. Lelaki pandai buat rumah, keperluan dapur tu kena beli sendiri. Itu kiranya dia dah ok berumah tangga la tu. Zaman sekarang tak de dah. Dulu lah, Perempuan kena pandai memasak, mengemas, menganyam baru boleh kahwin”.* (PK2)

*“...kita dari kecil lah kan , kita tengok orang tua-tua buat, kita cuba ikut dan buat.”* (PK4)

Pengalaman yang mereka peroleh daripada penyertaan dalam pameran dan lawatan yang disediakan oleh pihak kerajaan membolehkan mereka membentuk peluang yang baharu dari segi pembangunan sendiri.

*“...Saya dah pergi Filipina, Vietnam, Thailand. Jabatan Pembangunan Luar Bandar yang bawa saya. Dekat situ saya banyak belajar”.* (PK1)

*“...Ada juga tengok orang asli lain buat. Dekat Johor ni, Pontian. Rengit. JAKOA yang bawa”.* (PK2)

*“...Kami dapat permintaan dari Hong Kong. Mereka minat corak dan warna begini. Jadinya kami buat ikut permintaan dan saranan mereka.”* (PK4)

Seperti PK1 menyatakan mereka sentiasa menanam semula sumberjaya mereka seperti pokok mengkuang. Ini merupakan satu amalan lestari yang baik dari segi pengekalahan bahan mentah mereka yang diperlukan untuk tujuan anyaman.

Dapat dirumuskan, penemuan penting perincian atribut individu yang diperoleh yang mempengaruhi kejayaan KIR yang terlibat dengan aktiviti anyaman dan kebudayaan ialah perubahan minda, sikap dan tingkah laku. Atribut penemuan tersebut diringkaskan melalui Jadual 2.

**Jadual 2: Atribut Individu Komuniti Orang Asli yang Terlibat dalam Bidang Keusahawanan**

Faktor Utama	Atribut Individu		
	Minda	Sikap	Tingkah laku
1) Sikap 2) Motivasi 3) Keusahawanan 4) Tadbir Urus 5) Kemahiran 6) Pengalaman	-Terbuka -Kreatif dan inovatif -Pengetahuan -Kebolehan (intelektual) -Pendedahan	-Berani mencuba -Berusaha -Keinginan belajar -Sokongan keluarga (semangat) -Bercita-cita tinggi -Minat -Kepuasan kerja -Mengambil peluang -Berani bersaing -Kepimpinan	-Amalan lestari -Pendapatan (tekun bekerja) -Menjaga kualiti (penghasilan terbaik) -Pengorganisasian -Perancangan masa depan -Kebolehan (semulajadi / diasah) -Penglibatan -Pemeliharaan warisan

Atribut individu adalah penting melambangkan sikap dan personaliti ahli komuniti yang membentuk mereka berjaya. Oleh itu perubahan minda, sikap dan tingkah laku mempunyai kekuatan dalaman yang mempamerkan sikap positif. Penyertaan mereka dalam aktiviti keusahawanan dapat mewujudkan kesedaran dari aspek minda mengarah kepada perubahan sikap dan tindakan melalui tingkah laku yang bertujuan bagi mencapai matlamat mereka. Proses transformasi dalam komuniti ini berlaku disebabkan adanya dorongan faktor dalaman. Perubahan individu membawa kepada perubahan komuniti. Sokongan individu adalah penting melibatkan atribut individu kerana ia menentukan arah tuju komuniti. Faktor dalaman yang diperolehi daripada individu menggambarkan ciri-ciri pemikiran, sikap dan tingkah laku yang saling ada kaitan dalam mengupayakan komuniti mereka. Hasil penemuan ini dapat dirumuskan melalui Rajah 1.



**Rajah 1: Hasil Perubahan KIR Wanita Orang Asli**

Melalui perubahan minda iaitu kesedaran berkaitan kepentingan menerima perubahan mengarah kepada kesediaan sikap terbuka dan menerima setiap rancangan pembangunan dan program secara positif. Secara tidak langsung ia mendorong penglibatan bersama ahli komuniti dalam menjayakan setiap aktiviti dan program yang diikuti. Sikap positif seperti aktif, rajin, berusaha bagi mencapai matlamat mengarah kepada tingkah laku yang positif seperti keberhasilan melalui tindakan yang bersungguh-sungguh. Hubungan kait antara perubahan minda, sikap dan tingkah laku saling bertindak balas mengarah kepada pencapaian matlamat melalui pembangunan potensi dan keupayaan dalam bidang keusahawanan berasaskan pelancongan. Pembangunan potensi KIR wanita Orang Asli merangkumi kelebihan yang ada pada komuniti ini seperti kraf tangan, kebudayaan dan persekitaran menjadi satu produk yang mampu menghasilkan pendapatan. Manakala pembangunan keupayaan merangkumi pembangunan kemahiran meliputi pelbagai aspek melibatkan kreativiti, cara berkomunikasi, memimpin, mengurus dan berketerampilan. Interaksi elemen-elemen pembangunan ini mampu mewujudkan komuniti lestari dari aspek pemikiran, personaliti, tindakan yang membawa kepada kesejahteraan hidup KIR wanita Orang Asli meliputi kelestarian sosioekonomi iaitu sumber pekerjaan, pemeliharaan dan pemuliharaan budaya warisan, peningkatan taraf hidup serta peningkatan personaliti.

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, atribut perubahan minda, sikap dan tingkah laku mempengaruhi peserta kajian untuk berjaya dalam bidang keusahawanan. Atribut individu ini banyak mendorong pembentukan transformasi komuniti ke arah yang lebih baik. Daripada sebuah komuniti yang dahulunya jauh ketinggalan dari arus pembangunan, sekarang komuniti ini telah bergerak maju seiring dengan kemajuan semasa. Faktor perubahan melibatkan minda, sikap dan tingkah laku telah membentuk kekuatan dan keupayaan komuniti ini untuk berubah menjadikan aktiviti keusahawanan sebagai sumber pendapatan utama. Transformasi dari komuniti yang dahulunya bergantung pada sumber pertanian dan laut menjadi komuniti berasaskan keusahawanan kraftangan dan kebudayaan telah banyak membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Keadaan sosial, ekonomi dan fizikal telah berubah selari dengan transformasi yang dilalui. Selain itu, melalui bidang keusahawanaa yang diceburi dapat melestarikan budaya hidup dan warisan kraftangan nenek moyang mereka.

Atribut individu merupakan kekuatan dapatan kajian yang menggambarkan sikap-sikap positif ke arah ciri-ciri individu yang berjaya. Justeru itu, penemuan kajian ini adalah menyangkal gambaran sikap negatif komuniti Orang Asli yang tidak boleh berubah. Jelas menunjukkan bahawa komuniti Orang Asli Mah Meri dan Semai boleh berubah dan berjaya melalui ciri-ciri unik melibatkan kecerdasan seperti keupayaan dan kebolehan mereka yang digambarkan melalui pemikiran (kreatif, terbuka), sifat (keinginan berjaya, hasrat pencapaian, kawalan emosi) dan tingkah laku (tindakan bersungguh-sungguh) yang membawa kejayaan kepada mereka. Peluang yang diberikan kepada komuniti oleh pihak kementerian dan NGO menjadi wadah kepada proses pelaksanaan pembangunan transformasi komuniti Orang Asli yang lain.

## Penghargaan

Penyelidik mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang membiayai kos penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Vot K045, no rujukan geran FRGS/1/2018/SS03/UTHM/02/3 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana memberi kebenaran dan kelulusan pembentangan kertas kerja ini.



## Rujukan

- Jusoh, M., & Latada, F. (2019). Kemahiran Kehidupan Ibu Tinggal Terhadap Kesejahteraan Keluarga. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(3), 36-44. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/7668>
- KPWKM (2015). Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020. Diakses daripada <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/BUKU%20PELAN%20TINDAKAN%20PEMERKASAAN%20IBU%20TUNGGAL.pdf>
- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). (2022). Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Dicapai dari <https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285>
- Leach, D. M., Baer, L. A., & Yu, P. (2020). Linking Indigenous Communities with Regional Development. *Organisation for Economic Cooperation and Development. The OECD Observer*, 1-3.
- Mitchell, H. (2022). The Success Factors of an Entrepreneur. Dicapai dari <https://smallbusiness.chron.com/success-factors-entrepreneur-2289.html>.
- Rohayu, R. et al. (2013). Pendekatan Model Baru Pembangunan Usahawan Wanita Luar Bandar bagi Tujuan Pembasmian Kemiskinan. *Fundamental Research Grant Scheme*, No. Vot 0767
- Rohayu R., Yusmarwati Y., Marina I. M., Halizah A., Siti 'Afiat J. dan Tun Ili Ayuni A. H.. (2020). Proses Pembangunan Keupayaan Keusahawanan Ketua Isi Rumah (KIR) Wanita Orang Asli. *Langkawi International Multi-Disciplinary Advanced Research 2020 (LICAR2020)*. 21-22 November, 2020. Bayview Hotel, LANGKAWI, Malaysia
- Rohayu R., Yusmarwati Y., Marina I. M., Halizah A., dan Siti 'Afiat J. (2021). Pembangunan Keupayaan Keusahawanan Ketua Isi Rumah (Kir) Wanita Orang Asli Dalam Menjana Pendapatan Keluarga. *3rd International Conference on Economy, Education, Engineering, Technology, Business and Social Science 2021*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rohayu R., Yusmarwati Y., Marina I. M., Halizah A., dan Zurina, Y. (2022). Pendekatan Pro-Poor Tourism (PPT) dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan Komuniti Orang Asli. *Jurnal Dunia Pengurusan*. v. 4, n. 4, p. 21-29, dec. 2022.
- Roddin, R., Mohamed, M. Yusof, Y., Ibrahim Mukhtar, M., Awang, H. dan Ahmad Hariri, T.I.A. (2020). The Entrepreneurship Development Skill Model In Eradicating Poverty Among Single Mother As A Part Of Leadership Management For Future Work. *7 th World Conference on TVET, UTHM*.
- Sichande, M., Michelo, C., Halwindi, H., & Miller, J. (2014). Education attainment of head of households associated with insecticide-treated net utilization among five to nineteen-year old individuals: evidence from the malaria indicator survey 2010 in Zambia. *Malaria journal*, 13(1), 378.
- Zakaria, S. M., Akhir, M. N., & Omar, F. I. (2018). Kesejahteraan Psikologi Ibu Tunggal: Cabaran Sebagai Ibu Tunggal dan Tekanan Hidup. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.